

01 FEB 2001

AGONG HADIRI JAMUAN MAKAN MALAM PENGISYTIHARAN WP PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah berangkat menghadiri jamuan makan malam di Seri Perdana di sini malam ini sempena pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan (WP).

Ketibaan Seri Paduka Baginda berdua disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Jamuan itu juga dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, isterinya Datin Seri Endon Mahmood dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Semua menteri Kabinet dan para perwakilan asing turut menyertai jamuan itu yang diserikan dengan persembahan oleh penyanyi Yusni Hamid dan Salimah Mahmud.

Putrajaya secara rasminya diisytiharkan sebagai WP oleh Dr Mahathir hari ini dalam satu upacara di Dataran Perdana.

Ia merupakan WP ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan.

-- BERNAMA

FA MAM RI